



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
SABAH**

TANGAN PEKERJA PUTUS, SYARIKAT PERLADANGAN DIDENDA

Sandakan, 8 Mei 2019 – Hakim Mahkamah Sesyen Sandakan, Tuan Indra Bin Haji Ayub telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000 dan pampasan kepada waris sebanyak RM 8,000 terhadap syarikat pengilangan, Sungai Ruku Palm Oil Plantation Sdn. Bhd. selepas mengaku bersalah.

Sungai Ruku Palm Oil Plantation Sdn. Bhd. telah didakwa dibawah Seksyen 15(1), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kerana gagal memastikan, setakat yang praktik keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja pekerjaanya kerana membenarkan pekerjaanya menjalankan kerja pembersihan sehingga menyebabkan tangan kanan pekerjaanya telah putus hingga ke bahagian siku akibat termasuk ke dalam *Distoner Air Lock*.

Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sabah, Mohd Fairul Azwan Bin Ismail dan dibantu oleh Mohd Ghazali Bin Mohd Jajuli. Kes tersebut disiasat oleh pegawai dari Seksyen Siasatan dan Pendakwaan JKPP Sabah yang di ketuai oleh Mohamad Edrus Bin Ramli dan di bantu Ahmad Al-Bakri Bin Ahmad Bistari.

###

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sabah

8 Mei 2019



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
SABAH**

PEKERJA MAUT TERSEPIT DI DALAM CONVEYOR, MAJIKAN DIDENDA

Sandakan, 8 Mei 2019 – Hakim Mahkamah Sesyen Sandakan, Tuan Indra Bin Haji Ayub telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000 dan pampasan kepada waris sebanyak RM 18,000 terhadap syarikat pengilangan, Ladang Sabah Sdn Bhd selepas mengaku bersalah.

Ladang Sabah Sdn Bhd telah didakwa dibawah Seksyen 15(1), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kerana gagal memastikan, setakat yang praktik keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja pekerjaanya ketika menjalankan kerja pembersihan di *EFB Chopper Conveyor* yang mengakibatkan pekerjaanya maut akibat tersepit di dalam *EFB Chopper Conveyor* berkenaan.

Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sabah, Mohd Fairul Azwan Bin Ismail dan dibantu oleh Mohd Ghazali Bin Mohd Jajuli. Kes tersebut disiasat oleh pegawai dari Seksyen Siasatan dan Pendakwaan JKKP Sabah yang di ketuai oleh Mohamad Edrus Bin Ramli dan di bantu Rustan Bin Pangiut

###

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sabah

8 Mei 2019



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
SABAH**

PEKERJA MAUT JATUH DARI TEMPAT TINGGI, MAJIKAN DIDENDA

Sandakan, 8 Mei 2019 – Sebuah syarikat perladangan hari ini telah dijatuhkan hukuman denda oleh Mahkamah Sesyen Sandakan, Sabah selepas mengaku bersalah. Hakim Mahkamah Sesyen, Tuan Indra Bin Haji Ayub telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000 dan pampasan kepada waris sebanyak RM 18,000 terhadap syarikat berkenaan.

Terusan Baru Sdn Bhd telah didakwa dibawah Seksyen 15(1), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 kerana gagal memastikan, setakat yang praktik keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja pekerjaanya iaitu tidak menjalankan perkiraan sebelum membenarkan pekerjaanya menjalankan kerja membuka atap di stor lama sehingga menyebabkan pekerjaanya terjatuh dari tempat tinggi dan maut selepas beberapa hari menerima rawatan di hospital.

Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Sabah, Mohd Fairul Azwan Bin Ismail dan dibantu oleh Mohd Ghazali Bin Mohd Jajuli. Kes tersebut disiasat oleh pegawai dari Seksyen Siasatan dan Pendakwaan JKKP Sabah yang di ketuai oleh Nur Kamil Adli Bin Mohd Nawar dan di bantu Mohamad Edrus Bin Ramli.

###

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Sabah

8 Mei 2019